

SEWAH SAWAI
Drongo Cuckoo

FAMILI: Cuculidae
NAMA SAINTIFIK: *Surniculus lugubris*



CIRI-CIRI

Burung ini mempunyai warna bulu hijau kehitaman yang licin. Paruhnya berwarna hitam dan melengkung ke bawah. Pada bahagian bawah ekor, terdapat jalur-jalur putih yang melintang. Spesies ini mempunyai hujung ekor yang rata dan bercabang. Selain itu ianya mempunyai warna mata yang merah. Pada bahagian belakang tengkuk dan bahagian bulu kakinya terdapat satu jalur putih yang agak lebar tetapi kurang jelas. Semasa terbang, kelihatan jalur putih pada bahagian bawah sayap merentasi bahagian bulu primer dan sekunder sayap.

SAIZ

Panjang keseluruhan burung ini adalah 25.0 sm. Berat 35 g.

MAKANAN

Mamalia kecil, serangga, siput, buah-buahan dan biji-bijian.

HABITAT

Biasanya spesies ini dijumpai di kawasan hutan tanah pamah, kawasan hutan dipterokap, hutan sekunder dan juga kawasan hutan paya bakau sehingga ke ketinggian lebih kurang 1,300 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi kawalan kawasan 5-7 nota yang agak cepat dan dalam nada yang meningkat iaitu *pi pi pi pi pi*. Panggilan kedua adalah siulan *phew phewphew phewphewphew phew phew...*

TABIAT

Burung Sewah Sawai ini biasanya terbang dan bermain di kawasan kanopi pokok yang tinggi mencari makanan.

PEMBIAKAN

Semasa musim pembiakan, spesies ini akan mencari dan menumpang sarang burung lain seperti burung Rimba Merbah Sampah, *Stachyris erythroptera* dan burung Rimba Murai Nepal, *Alcippe nipalensis* untuk bertelur. Selepas bertelur, burung Sewah Sawai betina ini akan terbang meninggalkan telur tersebut untuk diamankan oleh pemilik asal sarang. Biasanya telur burung ini berukuran 19.8 x 15.5 milimeter.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.